



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB**  
**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**

## MAJLIS PELANCARAN MENU RAHMAH OLD TOWN

**7 MAC 2023 (SELASA)**  
**2.30 PETANG**

**OLD TOWN SRI RAMPAI**  
**KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

***Assalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh  
and Salam Malaysia Madani,***

**Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin**, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri), KPDN

**Yang Berbahagia Datuk Azman Bin Adam**, Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasa, KPDN

**Yang Berusaha Puan Dawn Liew**, Ketua Pegawai Executive Old Town White Coffee

**Yang Berusaha Encik Jay Ar Juan**, Pengarah Kanan Komersil, Foodpanda Malaysia

Pegawai-pegawai kanan kementerian serta wakil-wakil persatuan yang dihormati sekalian.

## PENDAHULUAN

1. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Old Town White Coffee kerana bersama-sama Kerajaan menyediakan Menu Rahmah untuk di nikmati oleh rakyat yang terkesan kerana kenaikan kos sara hidup terutamanya golongan B40.
2. Sejak saya mula dilantik sebagai Menteri di KPDN, fokus utama saya adalah untuk melaksanakan inisiatif bagi membantu rakyat yang terkesan akibat kenaikan kos sara hidup. Maka saya bersama-sama KPDN telah mewujudkan satu program yang dikenali sebagai **Payung RAHMAH**.

## INISIATIF MENU RAHMAH

3. Terdapat lima (5) inisiatif di bawah Payung RAHMAH iaitu Bakul RAHMAH, Jualan RAHMAH, Pakej RAHMAH, Kafe RAHMAH dan Menu RAHMAH. Alhamdulillah setelah 100 hari pentadbiran Kerajaan Madani, KPDN telah berjaya melaksanakan hampir semua inisiatif tersebut. Kafe RAHMAH dijangka akan dilaksanakan selepas Hari Raya.

4. Inisiatif Menu RAHMAH ini memfokuskan kepada pekerja dan pelajar B40 untuk mendapatkan makanan bermasak premium pada harga di bawah RM5.00. Objektif inisiatif ini untuk memastikan tiada rakyat yang perlu berlapar dan mereka boleh bekerja atau belajar dengan selesa. Pelaksanaan Menu RAHMAH ini adalah sukarela dan tidak membebankan kepada pengusaha makanan. Justeru itu KPDN tidak menetapkan kaedah pelaksanaan kepada peniaga asalkan kualiti makanan itu hendaklah sama dengan makanan bermasak yang lain.
5. Semenjak ia dilancarkan pada 31 Januari 2023 yang lalu, inisiatif ini terus mendapat sambutan daripada pengusaha makanan. Lebih banyak syarikat-syarikat besar yang turut serta menyediakan Menu RAHMAH antaranya ialah Old Town White Coffee.
6. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Malaysian Franchise Association (MFA) kerana membantu menggalakkan lebih banyak penyertaan di kalangan ahli mereka. Di harapkan inisiatif ini akan dapat dilaksanakan berpanjangan di kalangan ahli MFA.

7. Old Town White Coffee menyediakan 3 hidangan Menu RAHMAH iaitu Nasi Lemak RAHMAH (RM4.50), Nasi Lemak RAHMAH dengan sosej (RM5.00) dan Nasi Lemak RAHMAH ayam cincang (RM5.00). Setiap hidangan ini disertakan dengan air limau ais. Set ini disediakan di sepanjang masa dan setiap hari.
8. Menu RAHMAH Old Town ini telah dilaksanakan pada 1 Mac 2023 di 134 cawangan Semenanjung Malaysia dan Sabah. Pihak Old Town turut mengadakan kerjasama bersama pengendali penghantaran makanan iaitu **Food Panda** untuk mempromosikan Menu RAHMAH dalam aplikasi mereka. Usaha ini dijangka akan menarik minat pengusaha makanan untuk menggunakan aplikasi Food Panda untuk mempromosikan Menu RAHMAH ini. Tahniah kepada Food Panda kerana turut serta di dalam inisiatif ini.
9. Insyaallah lebih banyak mekanisme promosi Menu RAHMAH ini akan dilaksanakan selain daripada FB Kementerian dan Portal Menu RAHMAH yang dibangunkan oleh KPDN.

## **PENUTUP**

10. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Old Town dan semua yang terlibat dalam pelaksanaan majlis ini. Semoga inisiatif ini dapat diikuti oleh ramai pengusaha makan di bawah MFA.
11. Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, dengan ini saya melancarkan **“MENU RAHMAH OLD TOWN WHITE COFFEE”**.

Terima kasih.

*Disediakan oleh:*

Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup  
7 Mac 2023